

# TEKS PERGULUNGAN PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022 PENGAL PERTAMA

## Soalan Yang Dikemukakan Kepada EXCO Perdagangan , Industri dan Pembangunan Usahawan

(1) Tekanan hidup rakyat yang disebabkan kos sara hidup meningkat serta akan menyebabkan kadar pengangguran meningkat lebih – lebih lagi selepas Pasca Covid-19 . Nyatakan usaha kerajaan terhadap peluang pekerjaan yang ditawarkan terhadap semua golongan khususnya golongan Belia dan Graduan industri di Pulau Pinang dalam usaha membasmi kemiskinan .

**( Soalan Dari ADUN Sungai Bakap dan ADUN Pantai Jerejak )**

(2) Adakah kerajaan negeri mempunyai kerjasama dengan syarikat – syarikat besar yang lain dalam membantu graduan di Pulau Pinang tanpa pengalaman mendapatkan peluang pekerjaan yang professional serta sesuai dengan kelayakan yang dimiliki ?

**( Soalan dari ADUN Pantai Jerejak )**

(3) Apakah mekanisme dan penyelesaian yang telah diambil kerajaan negeri untuk menyelesaikan isu kekurangan tenaga buruh dengan menggantikannya dengan golongan gelandangan

**( Soalan Dari ADUN Jawi )**



**SIDANG MUDA  
PULAU PINANG**

***BismillahirRahmanirRahim,***

***Alhamdulillah Rabbi A'lamini, Wassolatuwassalamu A'la Asyrafil Anbiyai  
Wal Mursalin, Wa A'la Alihi Wasohbihi Ajmain, Amma Ba'du,***

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Reformasi, Salam Harapan.

**PENDAHULUAN :**

**1)** Terima kasih Tuan Speaker, Ketua Menteri yang saya hormati , teman – teman barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ,Ahli-ahli Yang Berhormat, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan, saudara saudari yang dikasihi sekalian.

**Tuan Speaker ,**

**2)** Pada pagi ini, saya EXCO Perdagangan , Industri dan Pembangunan Usahawan bangun dalam dewan yang mulia ini, untuk sesi penggulungan Usul Terima Kasih Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, bagi Persidangan Pertama, Sidang Muda 2022, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

**3)** Saya amati dan menekuni setiap isu – isu yang berbangkit dari kesemua Ahli – Ahli Yang Berhormat . Saya amat yakin dan percaya, bahawasanya Persidangan Dewan Undangan Negeri merupakan wadah dan pentas terbaik untuk Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian menzahirkan pandangan, melontar idea dan sudut pandang, malah memberikan teguran membina untuk semak dan imbang, berhubung apa juga isu dan permasalahan yang menyentuh kehidupan rakyat dan masa depan negeri, dengan cara yang tertib serta dalam kerangka undang-undang yang telah ditetapkan.

**4)** Mudah-mudahan segala inti pati perbincangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, akan memberi impak yang manfaatnya dapat dinikmati oleh seluruh rakyat di negeri Pulau Pinang.

**5)** Lantaran itu, saya merakamkan berbilang terima kasih, tahniah dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana telah menyentuh pelbagai ehwal, isu dan perkara, yang berkaitan dengan rakyat dan kemajuan Negeri Pulau Pinang khususnya terhadap pembangunan industri , perdagangan dan keusahawanan di negeri kita .

**6)** Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya secara peribadi, sesungguhnya amat menghargai dan mengambil maklum serta membuat catatan, akan semua perkara yang telah kita semua bangkit dan hujahkan sebentar tadi.

**(1)** Tentang tekanan hidup rakyat yang disebabkan kos sara hidup meningkat serta akan menyebabkan kadar pengangguran meningkat lebih – lebih lagi selepas Pasca Covid-19 . Nyatakan usaha kerajaan terhadap peluang pekerjaan yang ditawarkan terhadap semua golongan khususnya golongan Belia dan Graduan industri di Pulau Pinang dalam usaha membasmi kemiskinan  
**( Soalan Dari ADUN Sungai Bakap dan ADUN Pantai Jerejak)**

**JAWAPAN DARI EXCO :**

**Tuan Speaker ,**

(i) YB , serta semua ahli – ahli YB sekalian .

Tidak dapat dinafikan Pandemik (Covid-19) telah membantutkan serta menjejaskan keseluruhan sektor , terutamanya sector industry , ekonomi serta perkhidmatan negeri ini secara tidak langsung menjejaskan pendapatan golongan – golongan berpendapatan rendah, para peniaga dan penjaja kecil secara drastik di seluruh dunia , dan Pulau Pinang tidak terkecuali . Tahun 2020 pernah kita canangkan sebagai tahun bilamana wawasan kita bergelar negara maju telah tercapai. Ternyata mimpi kita itu meleset malah kita ditemukan dengan tiga cabaran besar yakni krisis politik, ekonomi dan pandemik Covid19 yang benar-benar menguji ketahanan dan kesepaduan kita sebagai bangsa Malaysia. Dugaan yang kita hadapi bukan calang-calang. Krisis pandemik Covid-19 yang sedang melanda kita pada hari ini memberi kesan secara langsung dengan meningkatnya kadar pengangguran; terjejasnya beberapa sektor ekonomi termasuk aktiviti ekonomi tidak formal; dan seterusnya menjurus kepada meningkatnya jurang pendapatan - yang kaya menjadi miskin, dan yang miskin menjadi papa kedana .

Namun , tahukah Yang Berhormat – Yang Berhormat sekalian atas usaha yang terus –menerus tanpa henti dan konsisten kerajaan negeri Pulau Pinang dalam mewujudkan ekonomi yang berdaya tahan di bumi bertuah ini, Pulau Pinang pernah merekodkan pelaburan langsung asing (FDI) paling tinggi dalam sejarah negeri di dalam negara bagi sektor industri pembuatan iaitu RM15 bilion pada 2019 . Ini adalah berdasarkan laporan pelaburan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bagi tahun 2019 yang membabitkan 166 projek telahpun diluluskan pada ketika itu . Ianya Jumlah keseluruhan pelaburan (domestik dan FDI) dan jumlah tersebut (RM16.9 bilion) merupakan pencapaian tertinggi dalam sejarah negeri kita setakat ini . Perkara ini membuktikan bahawa pelabur-pelabur asing masih mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap ekosistem pelaburan yang ditawarkan oleh Pulau Pinang ,sekaligus mengekalkan reputasi sebagai salah satu daripada destinasi pelaburan utama negara sehingga ke hari dan saat ini .

“(Meskipun) Pulau Pinang tidak memiliki sumber asli, tetapi kita mempunyai sumber kemahiran serta bakat yang sering dicemburi, menjadi daya penarik kepada para pelabur . Ini juga membuktikan bahawa kerajaan negeri tidak pernah sesekali mengabaikan sesiapa pun , dari kelompok manapun terhadap pembangunan ekonomi mereka yang datang daripada pelbagai institusi , walaupun ketika pandemik Covid – 19 kerajaan negeri mampu mewujudkan daya tarikan terhadap firma – firma besar dari luar , untuk melabur sekaligus menawarkan peluang pekerjaan yang banyak terhadap semua peringkat mahupun golongan di Pulau Pinang . Kita juga telah berjaya menyediakan peluang pekerjaan kepada kira-kira 300,000 pekerja, dan lebih separuh daripadanya terlibat dalam sektor pelancongan yang sangat – sangat terkesan pada ketika itu ,”

Mengenai usaha kerajaan negeri terhadap peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh industri – industri di Pulau Pinang dalam usaha membasmi kemiskinan dalam usaha #BangkitBersama selepas Covid, kita menerima cadangan oleh Sungai Bakap mengenai langkah inisiatif seperti kempen , pameran kerjaya , latihan bengkel dan sebagainya .Kerajaan Negeri sememangnya sudah menggerakkan pelbagai inisiatif sebegini , malah lebih hebat dari itu . Untuk pengetahuan YB-YB semua . Mungkin Sungai Bakap yang , oghang Penang kata “ kurang ambik port “ , namun tak mengapa . Kita sama – sama “ take noted ‘ pada hari ini .

**Tuan Speaker ,**

(i) Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerusi Pusat Bantuan Kerjaya dan Bakat Pulau Pinang (Pusat CAT- “ Pusat Career and Assitance Talent ) telah melaksanakan pepadanan kerja secara berkumpulan (group job matching) untuk membantu pencari kerja dengan menjalankan pepadanan jawatan bersesuaian apabila menerima permintaan daripada majikan/syarikat. Pusat CAT akan mendapatkan maklumat tentang jenis pekerjaan untuk syarikat yang mengalami penutupan. Susulan itu, Pusat CAT akan menjalankan prosedur pepadanan kerja secara berkumpulan dengan syarikat yang memperluaskan operasi.

**Tuan Speaker ,**

(ii) Laman sesawang Pusat CAT menjadi satu titik tumpuan kepada majikan dan juga mereka yang sedang mencari kerja. Melalui perkhidmatan percuma laman sesawang Pusat CAT ini, pihak majikan dapat mempromosi peluang pekerjaan yang ditawarkan manakala pencari kerja juga dapat memohon pekerjaan yang ditawarkan menerusi laman sesawang tersebut .

**Tuan Speaker ,**

(iii) Bagi individu yang kehilangan pekerjaan, mereka boleh membuat permohonan untuk mendapatkan Skim Insurans Pekerja dan akan memperolehi ID MyFutureJobs secara automatik. Seorang *caseworker* akan ditugaskan untuk mengendalikan setiap pencari kerja.

**Tuan Speaker ,**

**(iv)** Jangkauan kepada agensi-agensi pekerjaan lain secara proaktif bagi memahami peluang-peluang pekerjaan yang aktif untuk dipanjangkan kepada pencari kerja melalui laman sesawang serta Facebook Pusat CAT

**Tuan Speaker ,**

**(v)** Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Pusat CAT terus memainkan peranannya untuk meningkatkan pertumbuhan sumber manusia melalui kempen My Penang, My Workplace yang bertujuan untuk membantu golongan yang hilang pekerjaan dan sumber pendapatan. Di bawah kempen ini terdapat beberapa siri webinar bertajuk Onwards & Upwards: Explore New Careers in Penang telah dianjurkan oleh Pusat CAT yang disertai oleh syarikat-syarikat di Pulau Pinang bagi memberi perkongsian kepada pencari kerja khususnya golongan yang hilang pekerjaan dan sumber pendapatan, lepasan graduan dan pelajar-pelajar institut pengajian tinggi mengenai peluang pekerjaan yang terdapat di syarikat masing-masing di samping keistimewaan bekerja dengan syarikat-syarikat tersebut. Sepanjang separuh tahun pertama tahun 2022 atau tahun ini, sebanyak tiga (2) siri webinar telah dianjurkan iaitu pada bulan Mac dan Mei dan yang melibatkan 12 buah syarikat manakala dua (2) lagi siri akan dijalankan pada suku keempat tahun hadapan .

**Tuan Speaker ,**

**(vi)** Kerajaan negeri juga telah bekerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam membantu pencari kerja melalui program-program seperti latihan, kaunseling, insentif kewangan dan lain-lain .

**(vii)** Bekerjasama dengan agensi-agensi lain untuk mempromosikan maklumat tentang peluang pekerjaan yang tersedia seperti dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) bagi program-program seperti NCER Strategic Intervention Programme, empowerNCER, JomKerja dan JomNiaga di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan TalentCorp untuk program Career Comeback. Mempromosikan maklumat Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) berkaitan Graduate Career Acceleration Programme (GCAP) untuk golongan belia dan siswazah yang menganggur serta program Train and Place jangka pendek (1 bulan) ini disasarkan untuk rakyat Malaysia yang berusia antara 21 hingga 45 tahun. Program GCAP membolehkan peserta mempelajari kemahiran yang diperlukan oleh pihak industry;

**(viii)** Selain itu, Kerajaan Negeri turut bekerjasama dengan agensi-agensi lain melalui InvestPenang untuk meneruskan usaha mempromosi dan menarik pelaburan, sama ada pelabur baharu ataupun penambahan pelaburan daripada pelabur sedia ada, di samping membantu pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan. Usaha ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di Pulau Pinang dan memberi manfaat kepada pencari kerja. Berdasarkan pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan di Pulau Pinang dari Januari 2020 sehingga Jun 2021 iaitu sebanyak RM15,398,622,837.00, dianggarkan

sebanyak 15,973 peluang pekerjaan akan diwujudkan di Pulau Pinang secara berperingkat bagi tahun-tahun yang akan datang .

**(ix)** Selain daripada sektor pembuatan, usaha ditingkatkan dalam mempelbagaikan pelaburan daripada sektor Perkhidmatan Perniagaan Dunia (GBS) bagi menambah peluang pekerjaan dalam bidang kewangan, teknologi maklumat, seni kreatif, perisian dan sumber manusia yang bernilai tinggi .

**(x)** Kerajaan Negeri melalui Penang Youth Development Corporation (PYDC) telah melancarkan portal pencarian kerja We Want You pada Jun 2020. Sebanyak 463 majikan telah mendaftar dalam platform ini dan mengiklankan sebanyak 990 peluang pekerjaan. PYDC juga telah melaksanakan pameran kerjaya secara maya dengan kolaborasi bersama syarikat Plexus, Flex dan Prodelcon .

**Kerajaan Negeri juga turut melaksanakan program-program bantuan bagi menggalakkan keusahawanan dalam kalangan rakyat Pulau Pinang khususnya kepada pencari kerja. Antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:**

**(a) Skim Pinjaman Harapan (SPH)**

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah melaksanakan Skim Pinjaman Harapan (SPH) bermula 2009 sehingga kini. Setakat Julai 2022 , telah memperuntukkan sebanyak RM7,283 000 JUTA dalam memperkasakan Skim Pinjaman Harapan yang menyediakan pinjaman mikro kredit tanpa faedah kepada hampir 898 peminjam yang terdiri daripada usahawan – usahawan mikro yang menerima manfaat

**(b) Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang**

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang yang sebelum ini dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM). TUT memberi dorongan kepada golongan belia termasuk para graduan untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Sehingga Julai 2022, sebanyak RM980,000.00 telah diagihkan kepada 175 orang usahawan untuk menikmati kemudahan kredit ini.

**(c) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan)** Program ini adalah untuk peniaga kecil sepenuh masa yang menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan berpendapatan RM3,000.00 sebulan. Bantuan ini diberikan untuk mengembangkan perniagaan sedia ada bagi memperoleh hasil yang lebih lumayan.

**(d) Projek Titian Sama Rakyat (PTSR)**

Selain itu , kerajaan juga telah mewujudkan satu inisiatif yang dipanggil Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) yang bertujuan untuk membantu usahawan kecil dan menggalakkan golongan rakyat keterbawahan menceburi bidang perniagaan sebagai usaha membasmi kemiskinan . Ia merupakan tabung pinjaman berbentuk mikro

kredit dengan dana permulaan RM3 juta diperuntukkan oleh kerajaan negeri melalui Exco PERDAGANGAN,INDUSTRI DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN .

**(2)** Adakah kerajaan negeri mempunyai kerjasama dengan syarikat – syarikat besar yang lain dalam membantu graduan di Pulau Pinang TANPA PENGALAMAN mendapatkan peluang pekerjaan yang professional serta sesuai dengan kelayakan yang dimiliki ?

**( Soalan dari ADUN Pantai Jerejak )**

**Jawapan Dari Exco :**

**Tuan Speaker .**

**(2.1)** Pandemik Covid-19 bukan sahaja menyebabkan krisis kepada kesihatan awam, malah kepada ekonomi dan pasaran kerja keseluruhannya. Orang muda berumur 15-29 tahun merangkumi hampir 40% daripada keseluruhan tenaga kerja di Malaysia, bersama dengan majoriti rakyat yang lain akan berdepan dengan kepayahan dan kesusahan yang membebankan.

**(2.2)** Laporan Tinjauan Kesan Covid-19 kepada Ekonomi dan Individu oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang melibatkan seramai 168,182 responden berumur 15 tahun ke atas daripada pelbagai sektor telah menunjukkan 46.6% responden bekerja sendiri (tanpa mengira umur) telah kehilangan pekerjaan sepanjang Covid- 19. Berdasarkan dapatan tinjauan ini juga, jumlah kehilangan pekerjaan disebabkan krisis Covid-19 ini dijangka mencecah 2.1 juta orang.

**(2.3)** Justeru , kerajaan negeri telah mengambil langkah yang proaktif dan efisien dalam menangani permasalahan kebolehpasaran graduan – graduan di Pulau Pinang lebih – lebih lagi selepas pasca Covid – 19 .

**Tuan Speaker.**

Untuk makluman semua ahli – ahli Yang Berhormat , Pelan Tindakan Pembangunan Ekonomi Belia Negeri Pulau Pinang PASCA COVID-19 yang telah dirangka oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui bertujuan membantu golongan belia di negeri Pulau Pinang memainkan peranan mustahak untuk menjadikan negeri Pulau Pinang pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara.

Bagi memastikan golongan belia negeri ini menguasai kemahiran dan kebolehpasaran yang memenuhi permintaan pasaran terhadap pekerja yang mempunyai pendidikan tertiar, pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah mengambil usaha untuk mencapai objektif kedua yang terkandung dalam pelan tindakan berkenaan, iaitu membantu mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan belia dengan membantu mereka mendapatkan pekerjaan.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) mengambil strategi menggalakkan penyertaan golongan belia dalam program latihan industri dan perantisan.

Program perantisan di bawah Program Penang Young Digital Talent menawarkan konsep pembelajaran berasaskan kerja yang merupakan gabungan latihan tempat kerja melalui pembelajaran berasaskan kelas bagi menyediakan belia dengan kemahiran dan pengalaman yang lebih praktikal bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka agar memenuhi permintaan pasaran.

Objektif kedua yang terkandung dalam pelan ini pula adalah menggalakkan kemasukan golongan belia ke sistem pendidikan tertiar dan memperkukuhkan potensi serta kualiti mahasiswa-mahasiswi.

Seperti yang ditanyakan oleh sahabat saya dari Pantai Jerejak berkenaan kerjasama atau usahasama dengan mana-mana pihak dalam membantu graduan di Pulau Pinang tanpa pengalaman. Buat pengetahuan semua ahli – ahli Yang Berhormat, dalam memperkukuhkan potensi serta kualiti mahasiswa-mahasiswi sebelum melangkah masuk ke alam pekerjaan, strategi yang diambil adalah memperkukuh kerjasama bersama Institut Pendidikan Tinggi (IPT) dan industri.

Dalam pada itu, Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah menandatangani Mutual of Understanding (MoU) / Certification of Collaboration (CoC) bersama 14 buah Institut Pengajian Tinggi. Ini termasuklah:

- (i) Universiti Sains Malaysia (USM);
- (ii) UOW Malaysia KOU Penang University College;
- (iii) Penang Skills Development Center (PSDC);
- (iv) Han Chiang University College;
- (v) SEGi College Penang ;
- (vi) Tunku Abdul Rahman University College (TARUC);
- (vii) Politeknik Seberang Pra;
- (viii) UNITAR International University;
- (ix) IPK College Penang;
- (x) Management and Science University, Penang (MSU);
- (xi) INTI International College Penang;
- (xii) DISTED College Penang;
- (xiii) Peninsula College Penang; dan
- (xiv) Advance Tertiary College.

Dengan pemeteraian MoU tersebut, ia bertujuan untuk membangunkan, membantu dan mendorong penyelidikan, pendidikan, pemindahan kemahiran, pertukaran pelajar, keusahawanan, pencungkilan bakat, kerjaya graduan dan pembangunan program pemerkasaan belia secara holistik.

Di samping itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga bertekad untuk meningkatkan kebolehpasaran golongan belia seperti dinyatakan dalam objektif ketiga pelan tindakan ini, iaitu meningkatkan kebolehpasaran golongan belia dan menggalakkan penyertaan mereka dalam program pembelajaran sepanjang hayat.

Strategi-strategi bagi mencapai objektif tersebut termasuklah:

- (i) Meningkatkan kemahiran teknikal golongan belia, dan
- (ii) Melengkapkan kemahiran insaniah golongan belia.

Sehubungan dengan itu, PYDC telah menjalankan program-program seperti Penang Young Digital Talent Programme. Ia adalah program pensijilan yang melayakkan golongan belia menerima sijil yang diperakui oleh Kerajaan Negeri dan pihak industri dilaksanakan iaitu Penang Young Digital Talent Programme. Program Exabytes Digitalise Penang for Youth turut dianjurkan untuk memperkasakan lagi kemahiran teknikal berasaskan digital dalam kalangan belia.

Selain itu, Reskilling, Upskilling & New Skilling: PYDC Essential Skills Programme juga menawarkan sebanyak lapan (8) modul untuk meningkatkan kebolehpasaran golongan belia dengan memperkasakan kemahiran teknikal dan insaniah mereka.

Di samping itu penganjuran Penang Youth Resilience Superstars (PYRS) oleh Pertubuhan Wanita Mutiara Pulau Pinang bersama PYDC turut bertujuan membina daya tahan yang mempengaruhi harga diri dan tingkah laku pro-sosial berdasarkan modul prinsip terapi tingkah laku kognitif (CBT), latihan kemahiran sosial dan persediaan kognitif sebagai sebahagian daripada intervensi.



**(3)** Apakah mekanisme dan penyelesaian yang telah diambil kerajaan negeri untuk menyelesaikan isu kekurangan tenaga buruh dengan menggantikannya dengan golongan gelandangan  
( Soalan Dari ADUN Jawi )

**JAWAPAN DARI EXCO :**

**Tuan Speaker ,**

**(a)** Sebelum kita menelusuri jauh berkenaan soalan yang ditanyakan oleh YB berkait masalah mencari sumber tenaga buruh dari golongan gelandangan , YB perlu tahu dan faham yang asas / pokok kepada masalah lambakan gelandangan ini adalah kemiskinan tegar . Dan untuk pengetahuan YB JAWI , Pulau Pinang merupakan negeri yang mencatatkan kemiskinan paling rendah dalam negeri ini , setanding dengan negeri-negeri lain seperti kemiskinan paling rendah pula adalah Johor, Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan perkara ini disahkan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Eddin Syazlee Shith di dalam dewan rakyat persidangan yang lepas . Manakala negeri Kelantan, Sabah, Sarawak dan Perak merupakan antara negeri yang merekodkan kadar kemiskinan paling tinggi di Malaysia.

**(b)** Kita juga perlu faham yang kita sedang berada dalam fasa pemulihan baik dari krisis kesihatan dan ekonomi . Persoalannya sekarang dalam era bangkit selepas pasca pandemic , tumpuan adalah untuk kita menangani masalah ekonomi yang semakin meruncing.

**(c)** Namun , YB . YB perlu sedar yang kita tidak boleh “memaksa “ semua golongan gelandangan yang ada di dalam di dalam negeri kita yang tercinta ini , untuk bekerja, menceburkan diri dalam sektor-sektor industri tertentu sekiranya mereka tiada pengetahuan asas tentang sesuatu aspek di dalam industri itu sendiri , tiada minat dan tiada kemahuan . Ada juga dari kalangan mereka yang uzur , sakit , tua dan sebagainya . Saya tidak mahu mengulas panjang tentang hal tersebut .

**(d)** Bagi saya , adalah sangat mustahil untuk kita kurangkan / sifarkan jumlah pengangguran di Pulau Pinang dengan memasukkan kesemua mereka ke dalam industri - industri tertentu kerana bukan semua mereka yang menganggur ini mampu untuk bekerja dan mempunyai pengetahuan terhadap sesuatu aspek di dalam industri yang menyumbang kepada ekonomi seperti yang saya tekankan tadi . Mungkin pada peringkat permulaan , antara langkah serta mekanisme yang boleh ditawarkan kita untuk membantu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka terlebih dahulu terhadap sesuatu bidang sebelum boleh diserap masuk ke dalam industri .

**(e)** Namun , sedar tak sedar YB Jawi . Sebenarnya , kerajaan negeri sememangnya sudah ada pelaksanaan inisiatif sebegini walaupun tidaklah semaksima tumpuan yang diberi terhadap lonteks permasalahan ini . Kita tidak pernah menyisihkan mereka , malah kita sering memberikan perhatian , bimbingan , tunjuk ajar seperti kursus , bengkel dan sebagainya kepada sesiapa sahaja yang berminat .

**(f)** Untuk pengetahuan YB , sejak awal tahun lepas, Kerajaan Negeri dengan usahasama Perkeso sudah melatih lebih 10,000 orang yang diparol, bukan sahaja golongan gelandangan malah golongan bekas banduan. Mereka diberikan latihan yang ada elemen Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) membabitkan kerjasama beberapa agensi lain seperti Jabatan Penjara dan Jabatan Pembangunan Kemahiran.

**(g)** Untuk pengetahuan YB juga , Jabatan Penjara juga dilaporkan sudah melatih hamper 2500 banduan membabitkan latihan dalam enam sektor iaitu makanan, perkhidmatan, pembuatan, fabrik, penternakan dan pertanian sejak 2013 hingga tahun lalu yang diserap masuk ke dalam industri di negeri kita . Latihan seperti ini membolehkan ada dalam kalangan mereka yang berjaya membuka perniagaan sendiri dengan menggunakan kemahiran yang dimiliki ketika dalam penjara atau makan gaji selepas dibebaskan.

**(h)** Sebelum ini, kerajaan pernah melancarkan Projek Reben Kuning termasuk di Pulau Pinang iaitu inisiatif bagi memberi peluang pekerjaan kepada bekas banduan terutama golongan belia di bawah kelolaan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sewaktu PH memegang tampuk pemerintahan walaupun hanya dalam masa 22 bulan , namun ini suatu kejayaan yang sangat besar dan menyumbang kepada banyak faktor termasuk pemelesaian industry dan ekonomi di Pulau Pinang .

**(i)** Golongan – golongan ini tidak pernah disisihkan , malah sentiasa diberikan perhatian dan kasih sayang oleh kerajaan negeri di Pulau Pinang . Namun , saya amat positif dan bersetuju terhadap pandangan , cadangan serta idea yang bernas dari YB . Daripada kita terus menerus membawa masuk tenaga buruh asing yang menyumbang banyak aspek negative dari positif , adalah lebih baik untuk kita menyasarkan kelompok – kelompok yang ditekankan sebentar tadi seperti golongan gelandangan , bekas- bekas banduan yakni di kalangan rakyat kita sendiri . Sedikit sebanyak , mampu untuk membantu mereka dan keluarga mengharungi zaman yang mencabar dari aspek ekonominya di negara kita yang ditimpa masalah kenaikan harga barangan asas , kadar gaji upah dan sebagainya .

## KESIMPULAN

### Tuan Speaker , Ahli – ahli YB sekalian

Natijahnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited dan konsisten dalam membela nasib rakyat , melaksanakan agenda reformasi dan peduli rakyat . Namun , peringatan buat kita semua selaku wakil rakyat yang tiada apa yang sempurna .

Peranan pihak pembangkang di sebelah sana juga sentiasa kami sambut baik dalam usaha mewujudkan check and balance , juga selaras dengan motto “ Competency , Accountability dan Transperency yang menjadi tunjang utama dalam pentadbiran negeri .

Covid -19 banyak mengganggu kitaran hidup dan ekonomi , bukan kita sahaja malah diseluruh dunia . Namun , ianya bukanlah penghalang untuk kita bangkit bersama selaras dalam fasa pemulihan Negara dan endemik yang diumumkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia . Justeru , saya menyeru kepada semua yang berada disini . Sama-samalah kita berganding bahu , menjadi lidah , mata dan telinga kepada rakyat di kawasan masing – masing dalam usaha untuk #BangkitBersama #UntukNegeriKita .

**Abshar Nurasyraf Bin Amram**  
**N37 Batu Maung**  
**Sidang Muda 2022 Penggal Pertama**

